

UMS-DBKK jalin kerjasama

► Merangkumi pelbagai bidang penyelidikan

Oleh YAP SIONG HAN

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersama Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) kini akan bekerjasama dengan lebih rapat apabila satu memorandum persefahaman (MoU) antara kedua pihak berjaya dimeterai.

Menerusi MoU itu, UMS dan DBKK kini akan menjalinkan kerjasama merangkumi bidang penyelidikan,

kebudayaan, pendidikan, pelancongan, penjanaan, khidmat masyarakat, latihan serta program lain yang dipersetujui bersama.

Menerusi pihak DBKK, kerjasama terjalin itu akan memberikan kesan positif kepada masyarakat bandaraya ini menerusi pelaksanaan Eco Smart City selari dengan konsep Eco Campus yang dilaksanakan oleh UMS.

Selain itu, MoU itu akan menggabungkan kepakaran dan tenaga penyelidikan

“Saya percaya hubungan yang terjalin ini akan memantapkan lagi kerjasama sedia ada dan yang bakal dianjurkan bersama pada masa akan datang. **”**

PROF DATUK DR D KAMARUDIN D MUDIN
Naib Canselor UMS

untuk meningkatkan kualiti hasil kajian bagi manfaat bersama.

MoU itu juga akan mampu menjana pendapatan melalui kerjasama strategik, memperkasa sistem pengurusan siswa pepejal di bandaraya ini, berkongsi kepakaran, teknologi, pengetahuan dan kemahiran dalam meningkatkan perkhidmatan terbaik kepada warga bandaraya.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata, MoU itu akan memberi peluang pelaksanaan pelbagai aktiviti dan penganjuran program berimpak tinggi kepada UMS dan DBKK.

“Saya percaya hubungan yang terjalin ini akan memantapkan lagi kerjasama sedia ada dan yang bakal dianjurkan bersama pada masa akan datang,” katanya di Majlis Menandatangani MoU antara



KAMARUDIN (dua kanan) bersama Yeo (dua kiri) bertukar dokumen MoU sambil diperhatikan oleh Edward (tiga kiri) serta tetamu kehormat lain.

“Sebelum ini, UMS juga telah menjalinkan kerjasama pintar dengan DBKK apabila pelbagai program berkaitan diadakan secara bersama,” katanya di Majlis Menandatangani MoU antara

UMS dan DBKK, di sini, malam Selasa.

Sementara itu, Mayor DBKK Datuk Yeo Boon Hai berkata, MoU itu akan membolehkan kerjasama strategik bersama badan-

badan bukan kerajaan dalam melaksanakan pelbagai aktiviti masyarakat.

Katanya, kerjasama itu juga boleh meningkatkan budaya kesukarelawan terutamanya dalam aktiviti

yang dipersetujui bersama.

Hadir sama di majlis itu ialah Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri yang juga bertanggungjawab ke atas DBKK Datuk Ir Edward Yong Oui Fah.